



PEJABAT PELAJARAN DAERAH JOHOR BAHRU
JKR 413, JALAN GLENDENING,
80100 JOHOR BAHRU
Homepej: <http://www.johordt.gov.my/ppdjbahru>

Telefon:
Pejabat Am : 07-2236332
 : 07-2268721
No. Fax : 07-2233875
e-mail: remateppdjb@yahoo.com

Ruj. Kami : PPDJB/05/10/017/(40)
Tarikh : 26 Mei 2010

Pesuruhjaya Daerah,
Persatuan Pengakap Malaysia,
Daerah Johor Bahru.

Tuan,

KEBENARAN MENGADAKAN KURSUS KEPIMPINAN MANIKAYU PERINGKAT 3/1

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa surat PPMDJB/01/25/10 bertarikh 26 Mei 2010 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru tiada apa-apa halangan untuk pihak tuan berhubung terus dengan Pengetua sekolah yang dilibatkan dalam program tersebut. Bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar pihak tuan diminta memenuhi dan mematuhi prosedur berikut:-

- 2.1 Mendapat kebenaran Pengetua dan Guru Besar sekolah yang terlibat.
- 2.2 Pelajar-pelajar yang menyertai program ini mestilah dengan kebenaran bertulis daripada ibu/bapa/penjaga mereka
- 2.3 Segala langkah keselamatan dan kebajikan hendaklah diberi perhatian dan keutamaan di sepanjang aktiviti ini dilaksanakan.
- 2.4 Tiada unsur-unsur paksaan kepada pelajar-pelajar yang menyertai program ini.
- 2.5 Penyertaan pelajar adalah mengikut kertas konsep yang dicadangkan serta tiada implikasi kewangan dan perundangan kepada pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah serta Jabatan Pelajaran Johor semua perbelanjaan ditanggung oleh Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Johor Bahru.
- 2.6 Pihak Tuan diminta untuk menghantar laporan aktiviti secara betulis dan disokong dengan gambar-gambar ke Unit SPPK Pejabat Pelajaran Daerah selepas 2 minggu di laksanakan.
- 2.7 Kebenaran ini sah hingga 28 - 30 Mei 2010 sahaja.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAUFIK BIN HAMZAH)
b/p Pegawai Pelajaran Daerah,
Johor Bahru.

s.k. 1. Pegawai Pelajaran Daerah Johor Bahru.